

LAWATAN AKADEMIK DARIPADA UNIVERSITAS JENDERAL SOERDIRMAN, INDONESIA KE UTLC
University Teaching and Learning Centre

Telah Dihantar: 06 Disember 2010 12:28

Kepada: UUM - All Staff

Sk: UUM - UTLC

06 DISEMBER 2010/29 ZULHIJAH 1431H

" UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA "
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

LAWATAN AKADEMIK DARIPADA UNIVERSITAS JENDERAL SOERDIRMAN, INDONESIA KE UTLC



Pada 01 Disember 2010 yang lalu, UTLC telah menerima lawatan akademik daripada Universitas Jenderal Soedirman, Indonesia (UNSOED). Delegasi lawatan yang terdiri daripada sepuluh (10) orang pensyarah UNSOED ini telah berlangsung pada 28 November hingga 5 Disember di UUM. Rombongan telah dibawa melawat beberapa jabatan dan pusat pentadbiran di UUM sepanjang tempoh tersebut.

Lawatan akademik ke UTLC ini adalah untuk mengetahui peranan dan tanggungjawab UTLC di UUM selain mengeratkan silaturahim di antara pensyarah. Ketibaan rombongan telah disambut oleh Pengerusi (Teknikal) UTLC, Dr. Osman Ghazali, Pegawai Penyelidik Sosial UTLC, En. Muhammad Hafiz Mohd Ghazali dan staf UTLC. Rombongan seterusnya dibawa ke Bilik Mesyuarat UTLC bagi sesi pengenalan dan taklimat.

Selain penerangan mengenai fungsi dan peranan UTLC, Dr. Osman Ghazali juga membentangkan penerangan mengenai sistem LearningZone dan En. Muhammad Hafiz Mohd Ghazali membentangkan mengenai sistem penilaian kursus pensyarah di UUM. Selepas pembentangan dan jamuan, rombongan dibawa melawat pejabat UTLC dan menandatangani buku pelawat sebelum sesi penggambaran di luar pejabat UTLC.

Habis.

Daripada:
Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti (UTLC)
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok